


Berit@UTeM

Jan'
2017



Perutusan Naib Canselor 2017



SELAMAT TAHUN BARU
SELAMAT TAHUN BARU CINA

GRADUAN UTeM HANGAT DI PASARAN

Graduan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) terus menjadi pilihan utama majikan di negara ini dengan 76.34% mendapat pekerjaan sebaik sahaja menamatkan pengajian.

Naib Canselor UTeM, Prof. Datuk Dr. Shahrin Sahib berkata, jumlah tersebut merupakan dapatan daripada Data Kebolehpasaran Graduan (GE) yang dilakukan oleh pihak Kementerian Pendidikan Tinggi pada tahun lalu.

“Angka tersebut memperlihatkan perkembangan positif dengan mencatatkan peningkatan sebanyak 10.1% berbanding tahun 2015” ujar beliau.

Menurut beliau, data itu meliputi kebolehpasaran graduan dalam semua peringkat pengajian dengan pelajar pascasiswazah mencatatkan GE keseluruhan sebanyak 77.86%, ijazah sarjana muda 74.08% dan diploma 93.24%.

Jelas Shahrin, pencapaian tersebut didorong faktor keyakinan pihak majikan terutamanya sektor perindustrian terhadap kemampuan graduan UTeM yang kompeten dan sedia mahir.

“Ini membuktikan kemampuan UTeM untuk melahirkan graduan yang memenuhi kehendak industri serta dilengkapi ciri keusahawanan” ujar beliau ketika berucap pada Majlis



Perutusan Naib Canselor universiti tersebut di Kampus Induk Durian Tunggal, semalam.

Beliau memberitahu, UTeM akan terus memperkasakan bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) menjadi pilihan utama pelajar melanjutkan pengajian di peringkat tinggi di negara ini.

“Pada masa kini UTeM mengungguli bidang teknologi kejuruteraan dalam kalangan universiti Rangkaian Universiti-Universiti Teknikal Malaysia (MTUN) dengan enrolmen hampir 3,000 pelajar” katanya.

Sementara itu, Shahrin turut menyeru semua warga UTeM untuk lebih komited dan bertanggungjawab dalam memperkuuhkan proses transformasi bagi membawa UTeM ke peringkat yang lebih gemilang sepanjang 2017.

Turut hadir, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UTeM Prof. Datuk Dr. Mohd Razali Muhamad, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UTeM Prof. Datuk Dr. Ir. Mohd Jailani Mohd Nor dan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) UTeM Prof. Dr. Izaidin Abdul Majid.

Majlis tersebut dihadiri seramai 2000 orang staf termasuk dekan-dekan fakulti dan barisan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP).

SIDANG EDITORIAL Berit@UTeM

Ketua Editor
Fazidah Ithnin


Wartawan
Zulfatria Abdullah

Tengku Nur Nadhirah Tengku Md Saabri

Reka Letak Grafik
Shahril Hazizi Abu Bakar

Jurufoto
Jurufoto Rasmi Universiti

Pengedaran
Mohamad Haffize Ramli



SASAR 5 BINTANG



Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) meletakkan sasaran untuk memperolehi penarafan 5 bintang dalam Instrumen Penilaian Penyelidikan Malaysia (MyRA) bagi tahun 2017.

Naib Canselor UTeM Prof. Datuk Dr. Shahrin Sahib berkata, UTeM memperolehi penarafan 3 bintang pada tahun 2016 dalam instrumen itu yang bertujuan untuk mengukur tahap pencapaian bidang penyelidikan dan inovasi universiti-universiti di negara ini.

"Kita positif dengan sasaran ini berikutan peningkatan kecemerlangan yang ditunjukkan pada setiap tahun" ujar beliau.

Menurut beliau, walaupun mencabar, namun pihaknya yakin dapat mencapai sasaran tersebut dengan sokongan semua pihak dalam meningkatkan kecemerlangan bidang penyelidikan di UTeM.

"Justeru itu, pelbagai perancangan dan usaha perlu dipergiatkan oleh seluruh warga universiti bagi meningkatkan semangat kerja bagi mencapai sasaran tersebut selaras dengan tema perutusan tahun ini iaitu Sepakat Ihsan, Persada Gemilang" ujar beliau pada Majlis Perutusan Naib Canselor baru-baru ini.



MOHD RUDDIN DAPAT PENGIFTIRAFAN DUNIA

Prof. Datuk Dr. Mohd Ruddin Ab. Ghani dari Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) menerima pengiktirafan dunia dengan memenangi Anugerah Teknologi dan Sains Dunia pada Anugerah Saintis Dunia (WSA) 2016 baru-baru ini.

Mohd Ruddin yang juga merupakan Pengerusi Majlis Profesor UTeM dipilih berdasarkan sumbangan dan kepakaran beliau dalam bidang sains, teknologi dan inovasi terutamanya kejuruteraan elektrik.

Beliau turut aktif dalam persidangan, penerbitan jurnal, penulisan ilmiah, penyelidikan, konsultasi serta telah menulis pelbagai kertas kerja dan buku berkaitan kejuruteraan elektrik.

Sebelum ini, Mohd Ruddin telah menerima pelbagai anugerah kecemerlangan termasuk World Inventor Award Festival 2014, Seoul International Invention Fair 2014 dan ITEX Brussels 2014 serta felo Akademi Sains Malaysia 2015.

WSA 2016 anjuran Korea Invention News (KINEWS) itu merupakan acara tahunan bertujuan memberi pengiktirafan kepada inovasi baru yang dibangunkan oleh penyelidik dan saintis dari seluruh dunia.

WSA 2016 menyaksikan lebih daripada 50 ahli-ahli sains dan penyelidik dari Hong Kong, China, Thailand, Indonesia, Filipina, India, Mesir, Iran, Arab Saudi dan juga dari negara tuan rumah, Korea menerima pengiktirafan.

Penganugerahan itu juga diharapkan dapat meneruskan rentak kecemerlangan UTeM terutamanya dalam bidang penyelidikan dan inovasi serta menjadi pendorong kecemerlangan akademik kepada penyelidik muda.



PROGRAM PESISIR UTeM DAPAT PERHATIAN PELAJAR INDONESIA

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) buat julung kalinya menawarkan program Doktor Falsafah (PhD) secara pesisir di Politeknik Negeri Jakarta (PNJ) dengan pengambilan pelajar seramai 29 orang.

Dekan Pusat Pengajian Siswazah UTeM Prof. Dr. Zulkifilie Ibrahim berkata, program yang ditawarkan di PNJ itu sama seperti program secara sepuh masa atau separa masa yang dilaksanakan di dalam kampus.

"Pelajar yang mengikuti program ini perlu mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan termasuk syarat kemasukan, mengikuti matapelajaran wajib universiti, syarat bergraduat dan jumlah kredit seperti yang telah ditetapkan" ujar beliau.

Beliau berkata, program itu turut menyaksikan pelajar akan memenuhi keperluan tempoh minima sebagai pelajar sepuh masa di Kampus Induk Durian Tunggal, manakala kuliah mata pelajaran wajib akan diadakan di PNJ, Jakarta.

"Pendaftaran pada hari ini menyaksikan seramai 29 pelajar akan mengikuti program ijazah Doktor Falsafah dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dan kita menjangkakan seramai 80 pelajar akan mendaftar pada semester ini" ujar beliau.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada Majlis Perasmian dan Penyampaian Surat Pelantikan Penyelia Program Pesisir Doktor Falsafah PNJ di Auditorium PPS Kampus Induk Durian Tunggal di sini.

Menurut Dr. Zulkifilie, program pesisir itu dirangka untuk tempoh pengajian selama tiga hingga enam tahun dan pelajar perlu lulus dua mata pelajaran wajib universiti dan melengkapkan tesis PhD sebelum layak dianugerahkan Ijazah Doktor Falsafah.

Program PhD Pesisir itu merupakan kerjasama strategik antara UTeM, Universitas Dian Nuswantoro (UDINUS) Indonesia dan Konsorsium Penguruan Tinggi Provider Jardiknas Indonesia (KOPERTIP).

Yang turut hadir, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Prof. Datuk Dr. Mohd Razali Muhamad dan Dekan Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi Prof. Dr. Burairah Hussin.



RM15,000 BANTU ETNIK ROHINGYA

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) menyerahkan sumbangan berjumlah RM15,000 bagi membantu etnik Rohingya yang berdepan krisis kemanusiaan.

Naib Canselor UTeM Prof. Datuk Dr. Shahrin Sahib berkata, sumbangan tersebut diperolehi melalui Tabung Kemanusiaan Rohingya – UTeM yang dilancarkan universiti itu pada 7 Disember lalu.

"Alhamdulillah, tabung ini mendapat sambutan positif dari seluruh warga UTeM tanpa mengira agama dan bangsa yang bersimpati dengan penderitaan yang ditanggung etnik tersebut di Myanmar."

Beliau berkata, sumbangan itu diperolehi dari 2,000 staf dan 11,000 pelajar yang cintakan keamanan dan perpaduan serta badan-badan dan persatuan yang ada di UTeM.

"Usaha ini turut dapat mendidik warga UTeM menjadi masyarakat yang prihatin dan peka dengan penderitaan orang lain" katanya selepas menyerahkan sumbangan tersebut kepada Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Idris Haron pada Perhimpunan Aman Membela Masyarakat Islam Rohingya Peringkat Negeri Melaka di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC), baru-baru ini.

Shahrin turut memberitahu, Masjid Sayyidina Abu Bakar UTeM juga berjaya mengutip sumbangan tabung masjid dari orang ramai berjumlah RM3,000.00 untuk diserahkan kepada Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM).

Jumlah itu menjadikan keseluruhan sumbangan oleh UTeM untuk etnik Rohingya berjumlah RM18,000.00.



KERJASAMA UTeM, CompTIA LAHIR PELAJAR KOMPETEN

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) menjalin kerjasama strategik dengan menandatangani Memorandum Perjanjian Persefahaman (MoU) dengan Computing Technology Industry Association (CompTIA).

Naib Canselor UTeM, Prof Datuk Dr. Shahrin Sahib berkata, kerjasama selama tiga tahun sehingga 2019 itu adalah selaras dengan visi UTeM bagi melahirkan graduan yang kompeten dan sedia mahir selepas bergraduat.

Menurutnya, MoU itu juga bakal memberi manfaat kepada kedua-dua belah pihak untuk berkongsi kepakaran serta input dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

"Jalinan kerjasama ini akan menghasilkan tenaga kerja dari kalangan pelajar UTeM yang berkemahiran tinggi serta menjadi pilihan industri berbekalkan persijilan profesional yang ditawarkan oleh pihak CompTIA, yang diakui sebagai peneraju di dalam penyediaan latihan berteraskan ICT di peringkat antarabangsa" ujar Shahrin.

Tambahnya lagi, persijilan profesional yang ditawarkan oleh CompTIA menepati kehendak industri yang sentiasa mahukan pekerja yang kompeten dan terkehadapan dari segi ilmu dan kebolehan praktikal.

Beliau berkata demikian ketika berucap di majlis menandatangani MoU dengan CompTIA di Kampus Induk UTeM di sini baru-baru ini.


Sementara itu, Pengurus Negara CompTIA bagi Malaysia, Singapura dan Indonesia, Jean Tang berkata, MoU

itu menzahirkan usaha berterusan CompTIA di dalam mengukuhkan lagi kolaborasi terutama dalam penawaran persijilan profesional merangkumi pelbagai disiplin ICT kepada para pelajar UTeM.

Turut hadir, Dekan FTMK Prof Dr. Burairah Hussin, Ketua Projek MoU serta Ketua Kumpulan Penyelidikan HCC-ISL Dr. Mohd Fairuz Iskandar Othman, Pengerusi Jawatankuasa Persijilan Profesional FTMK Prof. Madya Dr. Choo Yun Huoy, Ketua Jabatan Sistem dan Komunikasi Komputer Dr. Wahidah Md Sah serta wakil Ketua Kumpulan Penyelidikan Insfornet Dr. Zaheera Zainal Abidin.



KARNIVAL DERMA DARAH CAPAI SASARAN



Karnival Derma Darah anjuran Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dengan kerjasama Infineon Technologies (M) Sdn Bhd serta Tabung Darah Jabatan Kesihatan Negeri Melaka yang berlangsung baru-baru ini berjaya memecahkan rekod kutipan beg darah terbanyak di negeri ini.

Pengarah Pejabat Pengurusan dan Perhubungan Canselor UTeM Fazidah Ithnin berkata, sebanyak 755 beg darah telah berjaya dikumpul dalam karnival yang bertujuan meningkatkan kesedaran untuk menderma darah di kalangan masyarakat terutamanya generasi muda.

"Alhamdulillah, sasaran untuk melepassi 500 beg darah yang merupakan rekod di negeri ini telah berjaya dicapai sekaligus membantu mereka yang memerlukan serta mengisi tabung darah kegunaan Hospital Melaka, Hospital Segamat dan Hospital Tengku Ampuan Rahimah Klang" ujar beliau.

Menurut Fazidah, karnival tersebut mendapat penyertaan yang positif dari seluruh warga UTeM termasuk para pelajar serta komuniti setempat.

"Terima kasih kepada pihak Infineon Technologies, Jabatan Kesihatan Negeri Melaka dan warga UTeM di atas kerjasama dan sokongan dalam menganjurkan program tanggungjawab sosial korporat ini" jelas beliau lagi.

Karnival yang berlangsung di Dewan Besar UTeM Kampus Induk Durian Tunggal itu turut menyaksikan penyerahan sumbangan oleh Infineon Technologies kepada Persatuan Bulan Sabit Merah (PBSM), St John Ambulance, Persatuan Pesakit Parah dan Miskin Negeri Melaka serta Pusat Kesihatan UTeM.

Perasmian karnival telah disempurnakan oleh Exco Pelajaran, Pengajian Tinggi, Sains dan Teknologi, Teknologi Hijau Dan Inovasi Datuk Wira Md Yunos Husin dan turut dihadiri Naib Canselor UTeM Prof. Datuk Dr. Shahrin Sahib, Pengarah Urusan Infineon Technologies Lee Cheong Chee dan Ketua Unit Tabung Darah Hospital Melaka Dr. Nor Amiza Mat Amin.



KERJASAMA PENYELIDIKAN DENGAN UNIVERSITI TERKEMUKA AS

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) bakal menjalin kerjasama dalam bidang penyelidikan dengan Indiana University - Purdue University Indianapolis (IUPUI) yang merupakan antara terkemuka di Amerika Syarikat.

Naib Canselor, Prof. Datuk Dr. Shahrin Sahib berkata, kerjasama tersebut akan menyaksikan kedua-dua universiti itu memberi fokus terhadap aspek penyelidikan, pembangunan dan pengkomersilan produk inovasi.

"Melalui kerjasama itu, kita juga merancang untuk menubuhkan makmal penyelidikan e-Pembelajaran bagi platform Pengajaran dan Pembelajaran (P&P), pemindahan teknologi serta penubuhan felo penyelidikan" ujar beliau.

Beliau berkata demikian selepas menerima kunjungan delegasi IUPUI yang diketuai Canselornya Prof. Dr. Nasser Paydar di Kampus Induk Durian Tunggal, baru-baru ini.

"Bagi kursus akademik, UTeM turut mengenalpasti potensi kerjasama yang boleh diterokai melalui penawaran program Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) dan penubuhan Pusat Kecemerlangan Akademik UTeM-IUPU" ujarnya lagi.

Shahrin memberitahu, pihaknya bangga kerana dapat mengadakan kerjasama dengan IUPUI yang telah ditubuhkan pada 1891. IUPUI merupakan antara 200 universiti terbaik di

Amerika Syarikat dengan enrolmen pelajar seramai hampir 30,000 orang serta mempunyai 2,8000 fakulti pelbagai bidang.

"Melalui memorandum persefahaman (MoU) yang bakal dimeterai itu, kita menasarkan untuk turut melaksanakan program mobiliti melibat pelajar dan staf serta program teknologi kejuruteraan" ujar beliau.

Yang turut hadir, Pengurus Lembaga Pengarah UTeM Tan Sri Dr. Ir. Ahmad Tajuddin Ali, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Prof. Datuk Dr. Mohd Razali Muhamad, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Prof. Datuk Dr. Ir. Mohd Jailani Mohd Nor, Pengarah Pejabat Antarabangsa IUPUI Prof. Dr. Tim Diemer dan Pengarah CyberLab IUPUI Prof. Dr. Ali Jafari.



UTeM TERIMA PENARAFAN UI GREEN METRIC RANKING

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) meraih kedudukan ke 269 terbaik dunia dalam UI GreenMetric World University Ranking 2016 berdasarkan senarai yang dikeluarkan baru-baru ini.

Pengarah Pusat Kelestarian dan Alam Sekitar (PKA) UTeM Prof. Madya Juhari Ab Razak berkata, UI GreenMetric World University Ranking merupakan satu sistem kedudukan yang mengiktiraf keupayaan sesebuah universiti dalam mengamalkan konsep dan amalan hijau di universiti masing-masing.

"Secara keseluruhan UTeM mendapat 4301 markah yang disumbang oleh pencapaian dalam enam kategori meliputi enam kategori utama iaitu infrastruktur, tenaga dan perubahan cuaca , sisa buangan, penggunaan air, pengangkutan dan pendidikan" ujar Juhari.

Beliau berkata, penarafan pada tahun itu membabitkan penyertaan 516 universiti daripada 74 negara yang mengambil bahagian.

"Penarafan itu memperlihatkan komitmen UTeM dalam melaksanakan kluster pengurusan hijau yang inovatif dan

mampu ke arah menjadikan universiti tersebut sebagai "Kampus Hijau" ujarnya ketika ditemui di sini.

Jelas Juhari lagi, UTeM juga telah melaksanakan pelbagai program kelestarian di peringkat universiti berkaitan pengurusan dan penjimatatan tenaga dengan mewartakan polisi penggunaan tenaga pelaksanaan serta polisi pengurusan sisa pepejal dan buangan terjadual bagi melestarikan amalan hijau di dalam kampus.

"Tahniah dan syabas kepada semua warga UTeM di atas kejayaan ini dan kami yakin ia menjadi pemangkin dalam menjadikan UTeM sebagai Kampus Hijau sekaligus

membantu kerajaan negeri merealisasikan Melaka sebagai Negeri Bandar Teknologi Hijau menjelang tahun 2020" ujar beliau.



UNIVERSITI MACAU KUNJUNGI UTeM, TINGKAT KESERAKANAN

Seramai 35 pelajar dan staf dari Universiti Macau berkunjung ke Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) di Kampus Induk Durian Tunggal baru-baru ini.

Timbalan Pendaftar Kanan Pejabat Hal Ehwal Pelajar UTeM, Misdom Lan berkata, lawatan itu bertujuan untuk melahirkan keserakahan mahasiswa kedua-dua universiti tersebut meliputi bidang akademik, kebaikan pelajar serta pengurusan kelab dan persatuan pelajar.

"Dalam perbincangan yang telah diadakan, kedua-dua pihak turut berkongsi pengetahuan dan pengalaman mengenai aktiviti-aktiviti yang boleh dijalankan secara bersama termasuk pertukaran pelajar" ujar beliau.

Jelas Misdom, lawatan itu juga merupakan platform kepada Majlis Perwakilan Pelajar UTeM (MPP) untuk bertukar-tukar maklumat dengan rakan-rakan dari Universiti Macau sekaligus meningkatkan kemahiran komunikasi untuk lebih berkeyakinan dan berketrampilan.

Sementara itu, menurut Naib Rektor Universiti Macau Prof. Hayden Chen berkata, pihaknya memilih UTeM sebagai destinasi lawatan kerana keunikan modul pembelajarannya yang kondusif serta status Melaka sebagai Bandaraya Warisan Dunia UNESCO.

Delegasi Universiti Macau turut dibawa melawat Pusat Sukan UTeM, Pusat Persatuan Pelajar serta beberapa buah fakulti yang terdapat di Kampus Induk serta berkunjung ke tempat-tempat bersejarah disekitar negeri ini.

Turut hadir, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar UTeM Prof. Dr. Izaidin Abdul Majid dan Yang Di-Pertua MPP UTeM Abdul Haniff Abdul Rani.



UTeM BANTU MANGSA BANJIR

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) melahirkan rasa simpati dengan nasib menimpa mangsa banjir terutamanya di kawasan Pantai Timur yang turut melibatkan pelajarnya.

Naib Canselor UTeM Prof. Datuk Dr. Shahrin Sahib berkata, pelajar UTeM yang terlibat dengan banjir dinasihatkan sentiasa menjaga keselamatan diri dengan berada di kawasan yang selamat serta mematuhi arahan yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa.

"Walaupun ketika ini di Kelantan merekodkan penurunan, kita berharap para pelajar UTeM yang sedang bercuti semester akan terus menjaga keselamatan diri serta tabah menghadapi ujian dan dugaan sepanjang musim banjir ini" ujar beliau dalam satu kenyataan dikeluarkan hari ini.

Shahrin memberitahu, universiti itu turut mengambil inisiatif dengan menggerakkan bantuan sukarelawan seramai 40 orang pelajar.

"Sukarelawan yang diketuai oleh Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UTeM Abdul Haniff Abdul Rani itu kini berada di Pusat Pemindahan SK Ketereh bagi menghulurkan bantuan kepada mangsa-mangsa banjir" ujar beliau.

Menurut beliau, sukarelawan UTeM dijangkakan akan turut bergerak ke Rantau Panjang bagi membantu mangsa banjir yang akan turut disertai oleh sukarelawan dari universiti awam yang lain.

"Tahniah dan syabas kepada pelajar UTeM yang telah menggerakkan misi bantuan ini, walaupun sumbangan ini kecil namun ianya amatlah bermakna" ujar Shahrin lagi.



PRAKTIS UTeM SANTUNI PELAJAR KURANG MAMPU

Bersempena sesi persekolahan yang bermula tahun ini, Pesatuan Pegawai Tadbir dan Ikhtisas Universiti Teknikal Malaysia Melaka (PRAKTIS UTeM) mengambil inisiatif menganjurkan program Kembali Ke Sekolah 2.0 bagi membantu pelajar sekolah yang tidak berkemampuan.

Presiden PRAKTIS UTeM Ahmad Faizal Abdul Rahman berkata, program itu merupakan aktiviti tahunan yang sering dianjurkan oleh pihaknya bagi membantu para pelajar membuat persiapan menghadapi sesi persekolahan.

"Alhamdulillah, melalui dana yang berjaya dikumpulkan, PRAKTIS UTeM telah menaja pembelian kelengkapan persekolahan kepada 10 anak-anak yatim yang merupakan pelajar dari Sekolah Kebangsaan Parit Melana Durian Tunggal" ujar beliau.

Beliau berkata, pembelian tersebut meliputi baju dan seluar sekolah, beg, kasut serta alat tulis.

"Melalui dana sumbangan ahli-ahli PRAKTIS UTeM itu juga akan digunakan untuk membayar yuran PIBG bagi 50 pelajar sekolah tersebut yang datang daripada keluarga berpendapatan rendah" ujar Ahmad Faizal.

Jelas beliau lagi, walaupun sumbangan dan bantuan yang diberikan itu kecil nilainya, diharapkan ia dapat meringankan beban keluarga pelajar tersebut dalam menghadapi sesi persekolahan tahun ini.

"Bantuan ini juga diharapkan dapat memberi semangat kepada pelajar-pelajar tersebut untuk lebih bermotivasi sepanjang sesi persekolahan sekaligus cemerlang dalam bidang pendidikan" ujar beliau.



TABUNG ENDOWMEN UTeM BANTU 54 PELAJAR KURANG MAMPU

Tabung Endowmen Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) yang dilancarkan pada 2015 lalu membantu 54 pelajar kurang berkemampuan sekaligus melaksanakan tanggungjawab sosial universiti itu.

Bendahari UTeM, Khairul Taib berkata, konsep endowmen merupakan amalan kebajikan berasaskan sedekah melalui hasil yang dijana daripada harta yang diwakafkan bagi membiayai program atau aktiviti berfokuskan kebajikan pelajar dan warga UTeM yang memerlukan.

"Sejak dilancarkan, tabung ini telah berjaya membantu pelajar – pelajar UTeM yang kurang berkemampuan dengan nilai sumbangan berjumlah RM1,000.00 setiap seorang" ujar beliau.

Jelas Khairul lagi, tabung itu juga akan digunakan untuk membiayai beberapa aktiviti berfokus kepada kebajikan pelajar serta kesarjanaan ilmu di UTeM.

Beliau berkata, dengan mengambil contoh beberapa universiti seperti Universiti Harvard dan Universiti Oxford, pelaksanaan tabung itu diharapkan dapat membudayakan



amalan memberi sumbangan jangka panjang bagi mengurangkan kebergantungan universiti kepada kerajaan.

"Penubuhan Tabung Endowmen itu juga merupakan inisiatif strategik pihak universiti bagi meningkatkan meningkatkan hasil penjanaan Universiti" ujar Khairul.

"Saya menyeru kepada syarikat korporat, agensi luar, orang ramai, individu, alumni dan staf UTeM untuk menghulurkan sumbangan seikhlas hati kepada tabung endowmen bagi menyokong dan merancakkan lagi aktiviti kesarjanaan ilmu di UTeM" ujar beliau ketika ditemui di Kampus Induk UTeM Durian Tunggal.

Bagi mereka yang berminat untuk menghulurkan sumbangan boleh menghubungi Unit Penjanaan Pendapatan, Bahagian Pengurusan Kewangan dan Perakaunan Pejabat Bendahari UTeM di talian 06-3316871 atau melayari Portal Penjanaan Pendapatan UTeM (<http://penjanaan.utm.edu.my/>).

Mereka yang membuat sumbangan kepada tabung itu turut layak mendapat pengecualian cukai pendapatan dibawah Seksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967.

"Saya menyeru semua warga alumni UTeM untuk sama-sama menghulurkan sumbangan bagi merealisasikan projek ini yang akan menjadi mercu tanda kebanggaan kepada seluruh alumni universiti ini" ujar Azrul lagi.

Kepada yang ingin menghulur sumbangan boleh berbuat demikian atas nama Bendahari UTeM atau menghubungi En. Azrul di talian 016-2160774 atau Exco AUTeM En. Mohamad Haniff Harun di talian 0136935826.



SASAR BINA RUMAH ALUMNI

Persatuan Alumni Universiti Teknikal Malaysia Melaka (AUTeM) menyasarkan untuk membina sebuah rumah alumni yang dilengkapi dengan pelbagai kemudahan di Kampus Induk Durian Tunggal.

Presiden AUTeM Azrul Aziz berkata, pembinaan itu akan meletakkan rumah alumni sebagai pusat penganjuran pelbagai program dan aktiviti yang dapat meningkatkan jalinan antara alumni dan universiti.

"Rumah alumni UTeM ini juga akan menjadi pusat tumpuan para pelajar yang berada dalam kampus serta mewujudkan peluang perniagaan dan pendapatan kepada universiti" ujar beliau.

Menurut Azrul, rumah alumni dua tingkat itu akan dibina di atas tapak seluas 0.82 ekar yang akan menempatkan ruang pejabat dan ruang gunasama.

"Rumah alumni UTeM akan turut dilengkapi bilik mesyuarat, dewan seminar, bilik perbincangan, bilik rekreasi, ruang niaga serta galeri tokoh alumni" ujar Azrul.

Jelasnya, pihaknya dengan kerjasama Pejabat Jaringan Industri dan Masyarakat UTeM (PJIM) turut melancarkan tabung wakaf bagi membantu membiayai pembinaan rumah tersebut.

MPP UTeM DALAMI ILMU PROTOKOL

Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Teknikal Malaysia Melaka (MPP UTeM) menganjurkan Kursus Protokol dan Etiket Sosial bagi meningkatkan kefahaman dalam pengurusan majlis.

Yang Dipertua MPP UTeM Abdul Haniff Abdul Rani berkata, seramai 25 ahli MPP UTeM terlibat dalam kursus itu yang bertujuan menerapkan nilai-nilai kemahiran sosial dalam pengendalian majlis serta program rasmi.

"Kursus ini memberikan input dan pengalaman yang berguna kepada kami semua kerana MPP UTeM selalu mengadakan aktiviti dan majlis yang melibatkan pengurusan kanan universiti" ujar beliau.

Beliau berkata, penganjuran kursus itu juga telah berjaya memberikan kefahaman yang jelas mengenai aspek penampilan, sahsiah diri dan komunikasi, serta meningkatkan kesedaran dalam membentuk keyakinan diri.

Jelasnya, elemen protokol dalam penganjuran majlis amatlah penting dalam memastikan nama MPP UTeM dan universiti terus terpelihara.

"Dengan adanya kursus ini diharapkan barisan kepimpinan MPP UTeM mampu menjadi pemimpin pelajar yang berketrampilan, punya keyakinan diri, kreatif dan inovatif, serta berkomunikasi dengan baik" ujar beliau.

Kursus yang berlangsung di Bangunan Persatuan Pelajar Kampus Induk Durian Tunggal itu telah disampaikan oleh Penolong Pendaftar Kanan UTeM Mokhtar Aman.



UTeM SASAR SATU PELAJAR SATU SIJIL

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) menyasarkan untuk melahirkan satu pelajar satu sijil dalam usaha melahirkan tenaga kerja menepati kehendak sektor industri.

Dasar pensijilan itu mensyaratkan setiap pelajar UTeM untuk mempunyai sekurang-kurangnya satu sijil profesional sebelum mereka bergraduat.

Naib Canselor UTeM, Prof Datuk Dr. Shahrin Sahib berkata, melalui dasar tersebut ia turut membantu meningkatkan kebolehpasaran graduan universiti tersebut yang diiktiraf di negara ini serta peringkat global.

"Pensijilan ini merupakan nilai tambah kepada pelajar-pelajar UTeM bagi memastikan mereka menepati kehendak industri yang sentiasa mahukan pekerja yang kompeten dan terkehadapan dari segi ilmu dan kebolehan praktikal" ujar beliau.

Jelas Shahrin, UTeM telah menjalinkan kerjasama strategik dengan syarikat-syarikat terkemuka di negara ini bagi mengukuhkan lagi kolaborasi melalui penawaran persijilan profesional merangkumi pelbagai disiplin kepada para pelajarnya.

"Kita yakin, selain melahirkan graduan yang seimbang dan holistik, ia juga turut meningkatkan kerjasama sektor industri dan universiti dalam perkongsian kapakaran dan pengalaman seperti digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025" ujar beliau.

Beliau berkata demikian selepas menandatangani memorandum perjanjian antara UTeM dan Sage UBS Sdn Bhd (SUSB) di Kampus Induk UTeM di sini semalam.

Perjanjian selama tiga tahun itu akan menyaksikan UTeM dan SUSB bekerjasama menawarkan sijil perisian perakaunan kepada pelajar Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousawahawan (FPTT).

Turut hadir dalam majlis itu, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UTeM Prof. Datuk Dr. Mohd Razali Muhamad, Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat) UTeM Prof. Dr. Mohd Ridzuan Nordin, Pengurus Jabatan Pendidikan dan Perniagaan SUSB Yap Jau Yong dan Dekan FPTT Dr. Mohd Syaiful Rizal Abdul Hamid.





myutem

UTeM Official In
www.utem.edu.my



Ikuti

stagram Where Great Technical Careers Begin!

my



Zulfatria Abdullah  Jurufoto Rasmi Universiti 

PENYELIDIK UTeM TERIMA GERAN INDUSTRI RM1 JUTA

Penyelidik dari Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) terus mendapat kepercayaan dari pihak industri bagi melaksanakan penyelidikan dengan menerima geran berjumlah hampir RM1 juta.

Dekan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) UTeM Prof. Madya Dr. Noreffendy Tamaldin berkata, kumpulan penyelidik FKM yang diketuai Prof. Dr. Ghazali Omar itu berjaya memperolehi geran industri dari syarikat multinasional Jabil Circuit Sdn. Bhd. dan CREST R&D Grant.

Beliau berkata geran itu akan digunakan bagi menjalankan penyelidikan dalam bidang yang telah dipersetujui oleh syarikat tersebut di bawah tajuk *"An Integrated Approach in Establishing Durable Stretchable Conductive Ink for High Performance Application"*

"Penyelidikan ini akan bermula Mac depan sehingga Februari 2020 yang akan turut dibantu kumpulan penyelidikan dari Centre for Advanced Research on Energy (CARe) UTeM terdiri daripada penyelidik berpengalaman iaitu Dr. Siti Hajar Sheikh Md. Fadzullah, Dr. Muhd Ridzuan Mansor, Dr. Mohd Nur Azmi Nordin, Dr. Mohd Azli Salim, Dr. Mohd Zaid Akop, Dr. Mizah Ramli, Dr. Nor Azmmi Masripan dan Anita Akmar Kamarolzaman" ujar beliau.

Menurut Dr. Noreffendy, pihaknya merasa bangga dan berterima kepada Jabil Circuit Sdn. Bhd. dan CREST R&D Grant yang telah memberi kepercayaan dalam melaksana projek penyelidikan tersebut.

"Kami optimis geran yang diperolehi ini akan dapat menghasilkan penyelidikan yang bermutu serta berkualiti yang dapat dimanfaatkan oleh kedua-dua syarikat tersebut sekaligus memberi impak kepada sektor perindustrian negara" ujar Noreffendy ketika ditemui di pejabatnya di Kampus Teknologi UTeM Ayer Keroh.

Beliau turut berharap kejayaan yang diperolehi dalam pemilikan geran itu dapat menjadi dorangan kepada kepada kumpulan penyelidik UTeM lain untuk terus berdaya saing dengan penyelidik universiti lain.



UTeM FINALIS PERODUA ECO CHALLENGE 2017

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) berjaya melayakkan diri sebagai finalis Perodua Eco Challenge (PEC) 2017 yang akan berlangsung tahun ini.

Sebanyak 21 institusi pengajian tinggi (IPT) menyertai pusingan kelayakan pertandingan itu yang berlangsung di Kompleks Perodua Rawang baru-baru ini.

Ketua Pasukan Dr. Mohd Azli Salim berkata, pasukan UTeM terdiri daripada staf dan pelajar Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) dan Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawan (FPTT) muncul sebagai antara 10 pasukan terbaik sekaligus layak untuk berentap pada pusingan akhir nanti.

Menurut beliau, PEC telah bermula sejak tahun 2009 dan merupakan platform kepada pelajar IPT untuk menampilkan kebolehan dan kreativiti teknikal mereka dalam bidang rekabentuk, kejuruteraan dan konsep perniagaan.

"Pertandingan itu turut akan menyaksikan format baharu yang memerlukan peserta mengetengahkan elemen alam sekitar, kreativiti dan ketulenan (ECO) pada setiap rekaan yang dihasilkan" ujar beliau.

PEC juga memberi fokus kepada bidang penyelidikan dan pembangunan dan setiap IPT yang berjaya akan berpeluang bekerja secara rapat dengan pasukan penyelidikan dan pembangunan (R&D) Perodua.

"Saya yakin pada pertandingan akhir itu nanti, jentera yang dibina ini akan meraih kejayaan sekurang-kurangnya mengulangi pencapaian tempat kedua keseluruhan pada PEC 2013 yang lalu" ujar Mohd Azli.

Beliau turut yakin pertandingan yang menawarkan hadiah keseluruhan berjumlah RM80,000 itu merupakan platform terbaik kepada UTeM untuk membuktikan kehebatan dalam bidang inovasi dan kejuruteraan.



PPPC UTeM ANJUR BENGKEL LTPK 2016

Pejabat Pengurusan dan Perhubungan Canselori (PPPC) Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) menganjurkan Bengkel Penyediaan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan (LTPK) tahun 2016.

Penolong Pendaftar PPPC UTeM, Zulfatria Abdullah berkata, bengkel yang diadakan setiap tahun itu bertujuan mengumpul dan berkongsi maklumat serta input-input berkaitan penulisan LTPK dikalangan sidang pengarang terdiri daripada pegawai-pegawai dari pusat tanggunjawab yang telah dilantik oleh pihak universiti.

"Penyediaan LTPK ini merupakan tugas wajib yang perlu disediakan pada setiap tahun oleh semua universiti awam mengikut tempoh masa yang ditetapkan oleh pihak Kementerian Pendidikan Tinggi" ujar beliau.

Menurut beliau, bengkel itu juga bagi mempertingkatkan prestasi dan kualiti pembentangan LTPK sebelum dibentangkan di peringkat Jemaah Menteri dan Parlimen.

"Terima kasih diucapkan kepada semua sidang pengarang yang telah memberikan komitmen bagi memastikan penyediaan LTPK ini mengikut format yang diberikan" ujar beliau lagi.

Jelas beliau, penganjuran bengkel itu juga merupakan perancangan dari pihak PPPC bagi memastikan LTPK dihasilkan kemas, padat dan konsisten.

Bengkel berlangsung di Hotel Seri Malaysia Ayer Keroh itu menyaksikan taklimat telah disampaikan oleh Pengarah PPPC Fazidah Ithnin.



98 PELAJAR SERTAI KEM KEPIMPINAN PRS UTeM

Kelab Pembimbing Rakan Siswa (PRS) Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) menganjurkan kem kepimpinan melibatkan 98 pelajar dari Kolej Vokasional Jasin Melaka baru-baru ini.

Ketua program, Afif Fahmi Zamree berkata, seramai 22 orang fasilitator dari kelab PRS UTeM terlibat dalam kem selama sehari itu bertujuan menerap kemahiran asas dan memahami peranan seorang pemimpin dalam kalangan pelajar.

"Aspek kepimpinan dan kemahiran diri merupakan antara ciri penting yang perlu ada dalam diri semua pelajar yang merupakan aset kepada negara pada masa hadapan" ujar Afif Fahmi.

Menurut beliau, program itu mencapai matlamat yang ditetapkan bagi mengenalpasti kelebihan dan kelemahan disamping meningkatkan keyakinan diri setiap pelajar.

"Alhamdulillah, peserta program ini turut diberikan pendedahan dalam menanam semangat berpasukan dan kerjasama sesebuah organisasi semasa melakukan tugas" ujar beliau.

Afif Fahmi memberitahu, kem itu merupakan antara program-program yang sering dianjurkan oleh pihaknya dalam mewujudkan perkongsian ilmu antara pelajar universiti dengan masyarakat setempat terutamanya generasi muda.

Yang turut hadir, Timbalan Pengarah Sokongan Akademik (TPSA) Kolej Vokasional Jasin Azizah Ahmat dan wakil Pejabat Hal Ehwal Pelajar UTeM Muhammad Alif Mohd Arrawi.



LUKISAN MURAL CERIAKAN KOMUNITI PDK SERI PENGASIH

Perpustakaan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) mengambil inisiatif menghasilkan lukisan mural di bangunan Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) Seri Pengasih, Durian Tunggal di sini baru-baru ini.

Pustakawan Kanan UTeM Arman Mohammad berkata, program bertemakan "Sedikit Bantuan Meringankan Beban" itu bertujuan meningkatkan kesejahteraan komuniti setempat terutamanya kepada golongan istimewa yang berada di sekitar kampus UTeM.

"Program seumpama ini sejajar dengan Tema 4 Pelan Strategik UTeM yang menggalakkan penganjuran program khidmat masyarakat" ujar beliau.

"Lukisan mural pada dinding bangunan ini diharapkan dapat mewujudkan persekitaran yang ceria dan memberi keselesaan kepada pelatih PDK Seri Pengasih sekaligus dapat memotivasi mereka sepanjang menghadiri kelas pembelajaran" ujar beliau.

Beliau yang merupakan pengarah program berkata, program khidmat masyarakat itu juga telah mengerakkan hubungan silaturrahim antara warga UTeM dengan PDK tersebut serta memupuk semangat membantu golongan yang memerlukan.

Pelajar dari Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) membuktikan kehebatan dalam bidang inovasi dengan muncul sebagai pemenang Hari Inovasi Universiti anjuran Kumpulan Airbus Malaysia yang berlangsung di Kuala Lumpur baru-baru ini.

UTeM yang diwakili oleh pelajar dari Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) berjaya menewaskan cabaran dari Universiti Malaya (UM), Universiti Islam Antarabangsa (UIA) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) untuk dinobatkan sebagai juara.

Dekan FTK Prof. Madya Mohd Rahimi Yusoff berkata, sebanyak 20 buah universiti awam telah menyertai pertandingan itu yang bertujuan untuk memupuk dan mempromosikan semangat inovasi dalam kalangan pelajar universiti.

"Pertandingan pertama kali diadakan itu juga bagi meningkatkan semangat dan minat pelajar terhadap bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik terutama dalam bidang aeroangkasa" ujar beliau.

Kemenangan itu menyaksikan UTeM membawa pulang wang tunai RM3,000 beserta plak dan sijil penyertaan, manakala naib juara yang dimenangi UM membawa pulang

"Alhamdulillah, lukisan mural itu berjaya disiapkan dalam tempoh sehari diketuai Mohd Zuwairi Abd Rahman dari Kelab Pelukis Negeri Melaka serta dibantu oleh 11 ahli Majlis Perwakilan Pelajar UTeM dan 7 staf Perpustakaan" ujar beliau.

"Terima kasih kepada semua pihak yang telah menjayakan program ini dan ia membuktikan keprihatinan UTeM untuk membantu golongan yang memerlukan" ujarnya.

Program tersebut turut menyaksikan sumbangan bahan bacaan yang telah disampaikan oleh Ketua Pegawai Maklumat UTeM Mohd Isa Mohd Dom kepada Pengurus PDK Seri Pengasih Datin Noriyah Bidon.



PELAJAR UTeM UNGGULI HARI INOVASI AIRBUS

wang tunai RM1,500 berserta plak dan sijil penyertaan. UIA dan UTM masing-masing menduduki tempat ketiga dan keempat membawa pulang plak dan sijil penyertaan.

"Tahniah dan syabas kepada pelajar FTK yang telah berjaya mengharumkan nama universiti dalam pertandingan itu yang diharapkan akan menjadi perangsang kepada seluruh pelajar UTeM untuk terus mempamerkan kecemerlangan dalam bidang inovasi" ujar beliau.

Jelas Mohd Rahimi lagi, kemenangan itu juga sangat bermakna dan bertepatan dengan slogan FTK iaitu Menyerlah Jauh Dari Biasa".



PELAJAR UTeM RAIH GANGSA DI SEOUL

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) berjaya membawa pulang pingat gangsa pada Pertandingan Robot Antarabangsa yang berlangsung di Seoul Korea Selatan baru-baru ini.

Dekan Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) Prof. Madya Mohd Rahimi Yusof berkata, pasukan UTeM mempertaruhkan robot pelbagai tugas dikenali *Altino Saeon* yang dicipta menggunakan empat perisian komponen utama dan sensor iaitu *C programming, Android, Raspberry Pi* dan *MSRDS Visual Programming* untuk melakukan pelbagai tugas dalam sektor pembuatan.

"Kemenangan ini membuktikan kemampuan pelajar UTeM dalam mencetuskan tahap inovasi yang tinggi menerusi produk penyelidikan bermutu tinggi" ujar beliau.

Menurut Mohd Rahimi, pertandingan itu juga memberi pengalaman yang berguna kepada pelajar UTeM terutama berkaitan aplikasi penggunaan robot dan teknologi yang digunakan dalam bidang industri.

Jelasnya, pertandingan anjuran Kementerian Perdagangan, Industri dan Tenaga Korea Selatan itu turut memberi pendedahan kepada pelajar untuk mengaplikasi pelbagai kemahiran yang telah dipelajari terutama kemahiran teknikal, penyelesaian masalah menggunakan teknologi terkini dan juga kemahiran komunikasi serta kepimpinan.

"Syabas dan tahniah kepada pelajar FTK yang telah berjaya mengharumkan nama negara dan universiti dalam pertandingan itu yang diharapkan akan menjadi perangsang kepada seluruh pelajar UTeM untuk terus mempamerkan kecemerlangan dalam bidang inovasi" ujar beliau.

Dalam pertandingan bersempena Hari Robot Sedunia yang berlangsung di Ihsan Kintex Exhibition Hall itu, UTeM diwakili oleh empat orang pelajar dari Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) iaitu Amirul Hakim Mohd Noor, Mohamad Syafiq Khamaron, Muhammad Fadzlan Fisal dan Muhamad Zhariff Asri.



UTeM, CTRM TUBUH MAKMAL KERJASAMA

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dan *Composites Technology Research Malaysia (CTRM)* menandatangani kerjasama strategik bagi tempoh lima tahun untuk meneroka potensi bidang penyelidikan, pengajaran dan pembelajaran.

Naib Canselor UTeM Prof. Datuk Dr. Shahrin Sahib berkata, UTeM menerusi *Centre for Advanced Research on Energy (CARe)* Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) telah mengenalpasti potensi kerjasama dengan CTRM Aero Composites Sdn Bhd yang merupakan syarikat pembekal komponen aeroangkasa untuk industri di Malaysia dan antarabangsa.

Antara skop kerjasama termasuklah penubuhan Makmal Kerjasama UTeM-CTRM bertempat di CTRM Aero Composites Sdn Bhd, Batu Berendam, bagi menempatkan alat pengukuran *Portable CMM System ROMER Flex (PCSRF)* yang disumbangkan oleh FKM yang akan digunakan oleh CTRM dalam kerja-kerja pengukuran kompenen.

Jelas Shahrin, kerjasama itu sejajar dengan visi UTeM untuk merealisasikan objektif yang digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) bagi menggalakkan para akademik bekerjasama dengan sektor industri dalam meningkatkan keupayaan pengeluaran menggunakan kos yang efektif dan efisyen.

Menerusi kerjasama itu juga menyaksikan UTeM akan dibenarkan untuk menggunakan peralatan dan teknologi yang terdapat di dalam makmal tersebut termasuk pembangunan latihan staf dan pelajar UTeM di peringkat siswazah dan pasca siswazah.

"Kami yakin melalui kerjasama ini, UTeM dan CTRM bakal menjadi pemain utama yang menyahut keserakahan dan agenda inovasi dalam memenuhi aspek pengajian tinggi bagi melonjakkan ekonomi Malaysia bersaing menjadi negara maju menjelang tahun 2020" ujar beliau Yang turut hadir, Ketua Pegawai Operasi Kumpulan CTRM Shamsuddin Mohamed Yusof, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) UTeM Prof. Datuk Ir. Dr. Mohd Jailani Mohd Nor, Ketua Pegawai Operasi CTRM AeroComposites Roslan Roskan dan Dekan FKM Prof. Madya Dr. Noreffendy Tamaldin.



PENSYARAH UTeM DAPAT PENGIKTIRAFAN NLP

Seorang Pensyarah Kanan dari Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), mencatatkan sejarah apabila ditauliahkan sebagai Jurulatih Bertauliah NLP oleh Akademi NLP Malaysia (ANLPM).

Pensyarah tersebut, Amir Aris dari Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan (FPTT) merupakan antara lima orang penerima pertama di negara ini yang berjaya menerima pengiktirafan tersebut setelah menamatkan kursus petaulahan yang berlangsung di Pasir Salak, Perak baru-baru ini.

Menurut Amir, pengiktirafan itu merupakan satu kejayaan buat dirinya dan beliau tekad untuk menggunakan kemahiran yang ada itu sepanjang sesi perkuliahan pelajar bagi melahirkan graduan UTeM yang cemerlang dan terbilang.

"Sebagai seorang pensyarah dalam bidang latihan dan pembangunan, pengiktirafan ini akan digunakan dengan sebaik mungkin bukan sahaja untuk membantu mencapai visi dan misi UTeM, bahkan juga melalui penglipatan komuniti setempat" ujar beliau.

Jelas Amir, NLP adalah merupakan satu kaedah untuk memahami bagaimana minda beroperasi dan kemudiannya mempengaruhi tingkah laku dan prestasi seseorang untuk membangunkan potensi manusia secara sistematis dan saintifik.

PELAJAR UTeM ZAHIR BANTAHAN PENINDASAN ROHINGYA

Pelajar Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) menzahirkan bantahan terhadap penindasan etnik Rohingya yang ketika ini berdepan krisis kemanusiaan.

Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UTeM Abdul Haniff Abdul Rani berkata seluruh warga pelajar universiti itu melahirkan rasa dukacita dan mengutuk sekemas-kerasnya tindakan tidak berperikemanusiaan kerajaan Myanmar yang berterusan melakukan kekejaman terhadap etnik tersebut.

"Desakan ini bukan bertujuan untuk mencampuri urusan negara lain namun atas dasar kemanusiaan, kami menyeru agar tindakan zalim tersebut dihentikan sepenuhnya" ujar Abdul Haniff pada Perhimpunan Aman Membela Masyarakat Islam Rohingya Peringkat Negeri Melaka di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC), baru-baru ini.

Beliau berkata, pelajar UTeM tanpa mengira latarbelakang, keturunan dan agama menyokong sepenuhnya sebarang usaha dan tindakan yang diambil oleh pihak kerajaan dalam memastikan konflik tersebut diselesaikan segera.

"Usaha membudayakan ilmu NLP ini menjadi agenda Kementerian Pendidikan Tinggi yang dicetuskan oleh Menterinya Datuk Seri Idris Jusoh agar prestasi akademik pelajar universiti awam dapat dipertingkatkan" ujar Amir ketika ditemui di sini.

Ia juga dilihat sebagai kemahiran yang penting untuk menambah baik keberkesanan dan impak berkomunikasi dan membantu untuk memahami pengalaman manusia, dan hubungan antara minda, tubuh badan, emosi dan tindakan.

Sebelum ini beliau juga telah berjaya memperolehi beberapa sijil profesional termasuk Certified PSMB Trainer, Certified NS-NLP Practitioner (ISNS), Certified NLP Practitioner (NFNLP-USA), Certified LAB Profile Practitioner (SS.CAN) dan Certified Assessing Personal Genius (ANLPM, NS, USA).

Kejayaan kumpulan petama itu juga merupakan detik yang bermakna kepada ANLPM setelah sedekad menjadi penggerak utama dalam membudayakan ilmu NLP di Malaysia.



"Kami percaya, setiap lapisan masyarakat di negara ini cintakan keamanan bukan sahaja di negera ini malah di seluruh dunia dan penyertaan kami pada perhimpunan ini merupakan mesej kepada semua pihak agar menghormati hak asasi setiap individu seperti yang terkandung dalam Deklarasi Hak Asasi oleh Pertubuhan Bangsa Bersatu (PBB).

Lebih 200 pelajar telah menghadiri perhimpunan tersebut yang turut dihadiri oleh Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Idris Haron, Naib Canselor UTeM Prof. Datuk Dr. Shahrin Sahib serta barisan kepimpinan negeri.



UPCOMING EVENTS



MERD'17
MECHANICAL ENGINEERING RESEARCH DAY 2017
IDEA • INSPIRE • INNOVATE
30 March 2017 | Kampus Teknologi, UTeM
<http://merd17.utem.edu.my>

A One-Day National Level Poster Seminar

Jointly organized by:
Faculty of Mechanical Engineering
Centre for Advanced Research on Energy

UTeM



KARNIVAL KEMUKIZATAN
Al-Quran
PERINGKAT KEBANGSAAN 2017

5-7 MEI 2017 | 8-10 SYAABAN 1438 H
Dewan Besar, UTeM

ANJURAN | PUSAT ISLAM & PUSAT BAHASA DAN PEMBANGUNAN INSAN UTeM
DENGAN KERJASAMA | JABATAN MUFTI NEGERI MELAKA, JABATAN AGAMA ISLAM MELAKA (JAIM),
JAWATANKUASA HAL EHWAL ISLAM IPT (JAEHIS) DAN INSTITUT KEPAHAMAN ISLAM MALAYSIA (IKIM)



MUSLIMIN DAN MUSIMAT DIVEMPUT HADIR

SERASA siri 2
SEMINAR KELUARGA SAKINAH 2017

22 Mac 2017 (Rabu)
Ust Pahlrol Mohamad Juoi
(7 hari mewati)

Dr. Nik Salida Suhaila
(Muzakir Selepas Rembukwan)

Tuan Haji Hushim
(Jumrah Berantau, Isra' Gereja)

23 Mac 2017 (Kamis)
Gila-gila Remaja (Slot Remaja)
PU Azman Syah
(7 hari mewati)

Ust Shamsul Debat
(Anakku Sesali)

22 dan 23 Mac 2017 | Masjid Sayyidina Abu Bakar UTeM | 9.00 pg - 4.30 pm

Anjuran :
Pusat Islam dengan Kerjasama
Jawatankuasa Masjid Sayyidina Abu Bakar
UTeM

Untuk keterangan lanjut Sila hubungi :
Ustazah Syamilah : 06-5552017 ; Ustaz Hasmizal Azri : 06-5552016



MEDIA SOSIAL UTeM

www.utem.edu.my

MyUTeM
  
are u connected?

scan this!

